



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 30 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI BELUM TERIMA LAPORAN KEKURANGAN BEKALAN MAKANAN IMPORT DAR INDIA, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	INDIAN AGRICULTURAL IMPORTS NOT AFFECTED BY SURGE IN COVID CASES IN THE COUNTRY, NATION, SIN CHEW DAILY -12	
3.	PETANI RAIH UNTUNG MUSIM PKP, KELANTAN, HAKAKAH -H12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4.	LEPAS 12.7 JUTA BENIH IKAN, NEGERI PAHANG/PERAK/N9, SH -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	MARDI SETS UP CENTRE OF EXCELLENCE FOR GREEN AGRICULTURE IN CAMERON HIGHLANDS, NEWSDAY24.COM -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6.	IMPORTED PRODUCE FROM INDIA SUFFICIENT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	
7.	MARDI TUBUH COE PERTANIAN HIJAU, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -30	
8.	LPP BANTU PETANI DAFTAR PROGRAM IMUNISASI, KELANTAN, HAKAKAH -H12	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
9.	JADIKAN PERTANIAN LEBIH 'SEKSI', FORUM, UM -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAFI belum terima laporan kekurangan bekalan makanan import dari India



Ronald berkata pihaknya tidak menerima laporan mengenai ketidakcukupan bekalan makanan terutamanya bawang merah, beras dan daging yang diimport dari India. - Gambar fail

CAMERON HIGHLANDS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) belum menerima sebarang laporan berhubung kekurangan bekalan makanan yang diimport dari India susulan peningkatan kes wabak COVID-19 di negara itu

ketika ini.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata pihaknya tidak menerima laporan mengenai ketidakcukupan bekalan makanan terutamanya bawang merah, beras dan daging yang diimport dari negara berkenaan terutamanya menjelang sambutan Aidilfitri, bulan depan.

"Setakat ini, belum ada kesan (kekurangan bekalan makanan) yang dihadapi di Malaysia. Maksudnya kesan terhadap pandemik COVID-19 yang melanda India belum memberi kesan kepada bekalan makanan yang diimport.

"Namun, sekiranya terjadi (kekurangan bekalan makanan), kami akan memikirkan langkah yang sesuai bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

"Kerajaan sentiasa menitikberatkan mengenai aspek sekuriti makanan sejak pandemik COVID-19 melanda negara tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja dan merasmikan Pusat Kecemerlangan Pertanian Hijau Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Cameron Highlands yang turut dihadiri Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor di sini, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan, kadar kematian dan jangkitan harian COVID-19 di India mencatat rekod tertinggi dengan ribuan pesakit berada di ambang maut di seluruh negara itu.

Lebih 340,000 jangkitan baharu turut dilaporkan dalam 24 jam, menjadikan jumlah keseluruhan mencecah 16.5 juta kes, di negara kedua paling teruk terjejas akibat wabak itu selepas Amerika Syarikat.

Peningkatan mendadak kes COVID-19 itu dikaitkan kepada kemunculan varian baharu dan 'super spreader' atau perebak utama ketika India mengadakan pilihan raya baru-baru ini serta upacara keagamaan dihadiri jutaan orang.

-- BERNAMA

Headline	Indian agricultural imports not affected by surge in Covid cases in the country		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	30 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	12	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	194 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,843
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,529



農長：當地疫情嚴峻 未影響印度農產品進口

（金馬崙29日訊）農業及食品工業部長拿督斯里羅納建迪說，我國有從印度進口一些農產品如某些米和洋蔥，儘管目前該國冠病疫情嚴峻，但农业部未接到印度農產品進口受影響的報告。

開齋節糧食供應穩定

他也表示，開齋節的糧食產出和供應沒有面對任何干擾，仍然保持穩定和充足。

“儘管政府已實行2次行管令，但國內生產的蔬菜、雞蛋、肉雞和魚類，足以應付國內的需求。”

他今日為金馬崙農業研究與發展局的綠色農業研究卓越中心主持開幕後受

詢時說，政府非常重視糧食安全，並在冠病疫情爆發後，採取了多項步驟和行動，確保我國有足夠的糧食，包括進口足夠的食品應付國人的需求。

他說，我國進口的蔬菜主要是溫帶蔬菜，如包菜、蕃茄和洋蔥等，其他菜類都能夠做到自供自給。

牛肉漲價因飼料成本增

針對牛肉價格漲跌問題，他說，牛肉價格上漲部分原因是玉米和大豆漲價，而這是不可避免的。

“政府必須要平衡漲價對人民和業者者的影響，所以我們制定頂價，照顧兩方的利益。”



獲贈多病毒生物農藥和礦物肥料之農民組織代表，與羅納建迪（右三）合影。左一及二起是蔡依猛、黃承毅；左四起是莫哈末查巴威；右一及二起是莫哈末羅夫、蔡國林。

金馬崙研發生物農藥礦肥

羅納建迪說，金馬崙農業研究與發展局綠色農業研究卓越中心是一所專注於綠色科技、高原作物和科技轉移的研發中心，其研究範圍涉及有機耕種、生物防治病害和蟲害管理、土地修復、肥料科技、氣候變遷對作物和害蟲的影響、溫帶作物發展。

他也為金馬崙農業研究與發展局研製的多病毒生物農藥Biopestisid Multi Virus和礦物肥料Baja OrganoPlus主持推介禮。他說，這兩項研究成果對農業非常重要，農民可用之代替化肥和化學農藥，因此希望它們商業化生產，並獲得農民廣泛使用，減少他們對化學農藥和化肥的依賴。

多病毒生物農藥是以病毒來殺死害虫，可用來控制侵害菜心和包菜的4種害虫，而且不會造成農藥殘留。

至於礦物肥料，可以提升農作物對養分的吸收，促進土壤肥沃和品質，而且適用於所有種類的農作物和泥土。

歡迎私企合作生產2產品

羅納建迪表示，大馬農業研究與發展局歡迎有興趣的私人公司合作生產上述2種科技產品。

他說，目前，該局已將17項的研究成果商品化，他對該局的表現感到滿意，不過該局還有進步的空間。

出席的嘉賓包括大馬農業研究與發展局局長拿督莫哈末羅夫博士、副局長（研究）莫哈末查巴威博士、彭亨分局局長巴哈里。

菜農花業公會盼開放聘外勞

金馬崙菜農公會主席拿督蔡國林及總務蔡依猛，以及金馬崙花業公會副主席黃承毅也趁機與羅納建迪針對外勞漂白計劃進行交流，並希望政府減少繁文縟節，他們也要求政府盡量開放農業領域聘請外勞政策，因為當地面對40%的人手短缺問題。

Petani raih untung musim PKP

Oleh **AIN MANAF**

KOTA BHARU: Biar pun ramai merungut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sebaliknya bagi petani pula mendapat untung berganda kerana kurang persaingan dengan produk pertanian dari luar.

Anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ber-

kata, tidak berlaku sangat lambakan hasil pertanian sepanjang PKP.

Katanya hasil tanaman dapat dijual dengan harga lebih baik antaranya lada.

"Ini kerana sebelum ini berlaku lambakan harga sayur, lada dan salad dari Thailand.

"Apabila kurang permintaan hasil pertanian dari

negara jiran menyebabkan harga tempatan lebih baik dan laris di pasaran," katanya di sini.

Menurutnya juga berbeza dengan pelaksanaan PKP 1.0 kerana banyak sektor ekonomi ditutup.

Ketika itu katanya berlaku lambakan hasil pertanian di Lojing dan Cameron Highlands sebelum ditangani segera agensi kera-

jaan.

"Jabatan Pertanian mengambil tindakan dengan membeli hasil pertanian daripada pengusaha di Lojing.

"Dan akhirnya masalah yang timbul dapat diselesaikan segera. Malah ada pengusaha tempatan menagihkannya melalui Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (Dun).

"Ketika PKP 2.0 tidak kedengaran berlaku lagi lambakan hasil pertanian di Lojing kerana ia boleh dipasarkan ke seluruh negara" katanya.

Lojing yang terletak berhampiran Cameron Highlands merupakan pusat pengeluaran sayur-sayuran berhawa sederhana sejuk yang utama di Kelantan.



Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

30/4/2021

SINAR
HARIANNEGERI
PAHANG/
PERAK/N9

32

Lepas 12.7 juta benih ikan

Bertujuan tambah sumber ikan, jamin bekalan makan mencukupi

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Jabatan Perikanan Pahang sudah melepaskan benih pelbagai spesies ikan di perairan di negeri ini dalam tempoh 10 tahun sejak 2010.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, pelepasan benih dilakukan bagi menambah sumber pelbagai spesies ikan selain strategi menjamin bekalan makanan mencukupi.

“Apabila mencapai saiz besar (dewasa) ia menjadi sumber tangkapan nelayan darat (sungai) dan makanan penduduk khususnya di pedalaman yang bergantung kepada perikanan darat,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Menurutnya, bagi tahun 2020, sebanyak 573,830 benih ikan dan udang dilepaskan di perairan umum di Pahang seperti sungai, tasik dan estuari ikan.

Abdullah sebelum ini memaklumkan jabatan itu mengadakan Program Pelepasan Benih Ikan di Sungai Pahang di Kampung Kuala Mai, Temerloh pada Rabu.

Jelasnya, sebanyak 23,300 benih ikan temoleh, baung, kebai dan lampam sungai telah dilepaskan di sungai tersebut.

Beliau berharap masyarakat

FOTO: JABATAN PERIKANAN PAHANG



Abdullah (tiga dari kiri) bersama Ketua Kampung Kuala Mai, Zulkiffli Ismail (empat dari kiri) dan komuniti nelayan darat melepaskan 23,300 benih ikan di Sungai Pahang di Kampung Kuala Mai, Temerloh pada Rabu.

dapat bersama menjaga dan melindungi sumber perikanan darat supaya kekal lestari.

“Kita tidak mahu masyarakat menjalankan aktiviti penangkapan ikan secara destruktif seperti menggunakan racun

atau tuba, peralatan elektrik dan bahan letupan.

“Kaedah itu merupakan kesalahan dalam Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) Pahang 1991. Pelaku boleh ditahan, dikompaun atau didakwa

di mahkamah,” tegasnya.

Nilai perikanan darat (sungai) bagi negeri Pahang ialah kira-kira RM11.5 juta dengan pendaratan 787 tan metrik bagi tahun 2020 dan merupakan kedua tertinggi di Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2021	NEWSDAY 24.COM	ONLINE	

Mardi sets up centre of excellence for green agriculture in Cameron Highlands

CAMERON HIGHLANDS (Bernama): The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) has achieved another milestone with the establishment of the Centre of Excellence for Green Agriculture here and the launching of two eco-friendly products – Multi Virus Biopesticide Technology and OrganoPlus fertiliser.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the centre was set up to strengthen research and development in green technology, upland crops and technology transfer.

“Mardi’s centre of excellence plays an important role in the research of pest and disease control using biological control agents and organic waste management approach for biogas production, in addition to technology transfer through technical training in vegetable and flower farming and upscaling,” he said after officiating the centre here Thursday (April 29).

Also present was Mardi director-general Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor.

On the eco-friendly products, Ronald said the Multi Virus Biopesticide Technology was developed to control the attack of four types of sawi (mustard greens) and cabbage pests without leaving any residue.

Meanwhile, the OrganoPlus fertiliser was a combination of mineral and organic fertilisers to increase nutrient absorption and soil fertility and quality, suitable for all types of soil and plants, he said. – Bernama

Headline	Imported produce from India sufficient		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	30 Apr 2021	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,107
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,321



纳建迪：未受疫情影响 印度进口农产品充足

(金马仑 29 日讯) 农业及食品工业部部长拿督斯里罗纳建迪博士披露，尽管印度的冠病疫情严峻，不过目前从该国进口至大马的农产品依旧充足。

他说，目前该部仍未接获任何有关印度进口食品情况的报告。

“印度冠病数据的上升，暂时没有对于我国的进口带来影响，目前我国进口印度数种主要食品，包括香米和洋葱。”

罗纳建迪今日在金马仑为农业研究与发展局的绿色农业研究卓越中心主持开幕后表示，自从冠病爆发以来，我国政府向来关注及采取行动以确保粮食的充足。

他说，我国进口的蔬菜主要是温带蔬菜如包菜、番茄、洋葱等，其他菜类都能做到自供自足。

饲料涨价影响牛肉价

询及近期发生进口牛肉价格高涨的情况，罗纳建迪回应，应该是因为饲料价格提高所致，如大豆及玉米。

在该活动上，罗纳建迪特推介该局所研发的两项环保产品，即大马首个多病微生物农药技术及有机肥料。

他说，该两项研究成果对农业非常重要，有助于减少目前对化学农药的依赖。

他欢迎有兴趣的私人公司



罗纳建迪（中）种植树木为绿色农业研究卓越中心主持推介。

能合作生产上述 2 种产品。

另一方面，金马仑菜农公会主席拿督蔡国林、总务蔡依锰，以及金马仑花业公会副主席黄承毅也趁机与罗纳建迪针交流外劳漂白计划。

他们希望政府能减少繁文

缛节，同时尽快开放农业领域供聘请外劳。

出席嘉宾包括大马农业研究与发展局局长拿督莫哈末罗夫博士、副局长（研究）莫哈末查巴威博士及彭亨分局局长巴哈里。

Mardi tubuh COE pertanian hijau

Bertujuan mantapkan R&D tanaman tanah tinggi

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

CAMERON HIGHLANDS

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) menubuhkan Pusat Kece- merlangan (COE) Pertanian Hijau Mardi Cameron High- lands bagi memantapkan Pe- nyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang memfokuskan kepada tanaman tanah tinggi. Pusat itu merupakan satu- satunya stesen penyelidikan yang ditubuhkan bagi tujuan tersebut di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, stesen itu juga berfungsi se- bagai stesen kece merlangan penyelidikan teknologi pertani- an hijau dan pertanian tanah tinggi serta merupakan stesen sokongan kepada pemindahan teknologi Mardi.

Menurutnya, antara aktiviti penyelidikan yang dijalankan di Mardi Cameron Highlands termasuk penyelidikan agro- nomi dan sistem pengeluaran, pengawalan perosak dan penyakit.

"Kajian berkaitan pe- ngendalian lepas tuai bagi sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga turut di- jalankan di pusat itu selain pe- nyelidikan pemuliharaan tanah, pengumpulan, pemuliharaan dan penggunaan sumber gene- tik tanaman tanah tinggi," kata- nya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Ronald Khandee hadir merasmikan pusat tersebut dan turut melancarkan dua lagi tek- nologi Mardi iaitu Teknologi Biopestisid Multi Virus dan Baja Organo Plus di sini.

Kata beliau, Teknologi Bi- opestisid Multi Virus berkesan mengawal serangan empat ulat perosak *Lepidoptera* di ladang kubis selain sifatnya yang mes- ra alam.

"Ia juga tidak memusnah- kan serangga bermanfaat se- perti pendebunga (lebab/kelu- lut), tidak meninggalkan sisa dan hasil sayuran boleh terus dituai serta membantu mengu- rangkan perkembangan masa-



Ronald Khandee turut melancarkan dua teknologi Mardi iaitu Teknologi Biopestisid Multi Virus dan Baja Organo Plus sempena Majlis Perasmian Pusat Kece merlangan (COE) Pertanian Hijau Mardi Cameron Highlands pada Khamis.

lah kerintangan atau kekebalan serangga perosak terhadap racun kimia.

"Baja Organo Plus pula an- taranya membekalkan unsur nutrisi makro dan surih yang penting di mana keberkesan- annyanya telah diuji pada sayuran serta bunga," kata beliau lagi.

Menurutnya, hasil ujian juga mendapati baja ini bukan sahaja membantu meningkat-

kan hasil tanaman malah me- nyuburkan tanah dengan apli- kasi yang berterusan, meningkatkan kesuburan dan kualiti tanah dengan penggu- naan berpanjangan serta sesua- ai untuk semua jenis tanah dan tanaman.

"Saya bangga melancarkan dua lagi teknologi baharu Mar- di malah amat yakin institut penyelidikan ini akan terus berusaha membuat kajian dan

penyelidikan untuk dimanfaat- kan oleh petani dan pihak in- dustri.

"Ia bagi memastikan sektor pertanian terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Beliau turut berharap pe- lancaran Pusat Kece merlangan (COE) Pertanian Hijau Mardi Cameron Highlands itu akan memantapkan penyelidikan dan Pembangunan Mardi.



Dr Nik Zawawi Salleh bersama Presiden Pasukan Tok Janggut Warriors Football Club.

LPP bantu petani daftar program imunisasi

Oleh ZULKIFLI HUSSIN.

PASIR PUTEH: Sehingga sekarang hampir setengah juta petani yang menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mendaftar Program Imunisasi Covid-19.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, sambutan dalam kalangan petani dianggap begitu memberangsangkan.

Katanya, petani terbabit menganggotai lebih 270 Pertubuhan Peladang Kawasan di seluruh negara.

"Pendaftaran dibuat melalui pelbagai kaedah termasuk aplikasi MySejahtera dan mengunjungi pusat kesihatan berdekatan.

"LPP memandang serius bagi memberi kesedaran termasuk meminta pegawai PPK membantu memudahkan petani membuat pendaftaran," katanya selepas melakukan lawatan di Kampung Gong Jering, Selising baru-ba-

ru ini.

Pada lawatan itu beliau meluluskan peruntukan bagi membina jalan pertanian sepanjang 500 meter bagi memudahkan petani membawa hasil ke bandar.

Selain itu turut diberi sumbangan RM3,000 bagi membina dewan serbaguna di kampung berkenaan.

Dr Nik Zawawi yang juga ahli Parlimen Pasir Puteh berkata, bakinya hampir 500 petani lagi dijangka akan membuat pendaftaran sebelum berakhir tahun ini.

Katanya, kelewatan pendaftaran itu disebabkan kebanyakan mereka tinggal di kawasan pedalaman yang sukar dijejaki pegawai-pegawai PPK.

"Selain itu menghadapi pelbagai halangan seperti kawasan berbukit yang sukar dilalui kenderaan," katanya.

Kata beliau PPK tetap akan terus berusaha mendaftarkan petani dengan apa cara sekali pun sebelum musim tengkujuh akhir tahun ini.



TEKNOLOGI baharu seperti dron dapat menarik minat belia untuk menyertai bidang pertanian.

Jadikan pertanian lebih 'seksi'

SAUDARA PENGARANG.

ISU keselamatan makanan menjadi topik hangat sejak dahulu.

Mengikut Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), keselamatan makanan merujuk kepada sesuatu keadaan di mana semua orang pada setiap masa mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada bekalan makanan.

Makanan terbabit hendaklah mencukupi, selamat, berkhasiat, memenuhi keperluan pemakanan individu dan untuk kehidupan yang aktif dan sihat.

Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara ekonomi terbuka, ia terdedah kepada kesan di peringkat antarabangsa termasuk akibat pandemik Covid-19 apabila berlaku gangguan kepada rantaian bekalan makanan global.

Statistik pada 2019 menunjukkan kadar kemandirian Malaysia bagi beberapa item makanan masih rendah - daging kambing (12.1 peratus), halia (16.2 peratus), daging lembu (23.7 peratus), cili (30.8 peratus), mangga (32.1 peratus), kubis bulat (36.2 peratus) dan beras (69 peratus).

Sudah tentu ada beberapa item makanan yang tidak sesuai untuk ditanam di Malaysia kerana faktor iklim tetapi kita masih boleh memberi tumpuan kepada item yang sesuai dengan cuaca negara ini.

Satu lagi isu yang timbul dalam usaha memperkukuh keselamatan makanan adalah kekurangan minat dalam kalangan belia untuk menyertai sektor berkaitan keselamatan makanan seperti pertanian dan perikanan kerana pendapatan tidak cukup tinggi.

Secara umumnya, kita dapat lihat belia lebih suka bekerja dalam bidang pekerjaan kolar biru (perkilangan) dan kolar putih

(pentadbiran dan pengurusan).

Menurut Institut Kajian Khazanah, sektor pertanian dan perhutanan merupakan salah satu bidang yang paling kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar sekolah.

Bagi pelajar peringkat pendidikan tinggi, kajian itu menunjukkan minat mereka kurang untuk bekerja dalam sektor pertanian dan perhutanan.

Satu cara untuk menangani isu keselamatan makanan adalah dengan mempromosikan peluang pekerjaan dalam bidang pertanian kepada golongan muda memandangkan 28 peratus daripada penduduk Malaysia yang bekerja dalam sektor tersebut rata-rata berusia 50 tahun.

Pertama, ia hendaklah bermula daripada asas iaitu pendidikan seawal peringkat sekolah rendah dengan mendedahkan faedah diperolehi daripada sektor ini.

Pengetahuan mengenai pemiagaan pertanian juga harus didedahkan kepada anak muda dengan menceritakan kejayaan petani muda sebagai sumber inspirasi.

Kedua, gaji dan upah perlu ditingkatkan kerana statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2019 menunjukkan gaji bulanan purata sektor pertanian, perhutanan dan perikanan adalah paling rendah iaitu sebanyak RM1,997.

Ketiga, jadikan sektor pertanian lebih 'seksi' di mata anak muda dengan memperkenalkan teknologi-teknologi baharu seperti sensor lapangan dan dron yang dapat menarik perhatian mereka.

Teknologi terbabit membolehkan hasil pertanian yang diperolehi lebih tinggi dan cepat sekali gus dapat meningkatkan pendapatan.

SOFEA AZAHAR

Penganalisis penyeldik di EMIR Research